



**HUBUNGAN TAHAP KEPRIHATINAN DENGAN
AMALAN PERUBAHAN STRATEGI PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN GURU PRINSIP
PERAKAUNAN MENGGUNAKAN
MODEL CBAM**



AFZAN BINTI DZOLKARNAINI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





**HUBUNGAN TAHAP KEPRIHATINAN DENGAN AMALAN PERUBAHAN
STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PRINSIP
PERAKAUNAN MENGGUNAKAN
MODEL CBAM**

AFZAN BINTI DZOLKARNAINI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15... (hari bulan) DISEMBER (bulan) 2020....

i. Perakuan pelajar :

Saya, APZAN BINTI DOLLUARNAINI, M20161001076, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN TAHAP KEPRIHATINAN DENGAN AMALAN PERUBAHAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PRINSIP PERAKUAN MENGGUNAKAN MODEL CBAM adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

[Signature]
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Rohaile Yusof (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan Tahap Keprihatinan Dengan Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran guru Prinsip Perakuan menggunakan model CBAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

Sarjana Pendidikan (Perakuan) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

[Signature]
Tandatangan Penyelia

Associate Prof Dr Rohaile Yusof
Department of Accounting and Finance
Faculty of Management and Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim
Perak Darul Ridzuan



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: HUBUNGAN TAHAP KEPRIHATINAN DENGAN AMALAN
PERUBAHAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BERASAS PADA PRINSIP PERALIHAN MENGGUNAKAN MODEL CBAM

No. Matrik / Matric's No.: M20161001076

Saya / I: AFZAN BINTI DOLLUARNAINI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Associate Prof Dr Rohaile Yusof
Department of Accounting and Finance
Faculty of Management and Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idris


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pendidik yang telah meluangkan masa untuk menjawab soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Input yang mereka berikan semasa tinjauan awal sehingga kajian lapangan sebenar telah membantu saya menjalankan analisis serta merumuskan dapatan kajian. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Pengarah Bahagian Buku Teks, Institut Aminuddin Baki, Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Jabatan Pendidikan Daerah yang telah memberikan kerjasama yang tidak ternilai untuk menjayakan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Rohaila binti Yusof yang telah banyak membimbing dan meluangkan masa untuk perbincangan yang menyuntik idea dari awal hingga tesis ini siap. Kepada teman-teman yang sering memberikan sokongan dan semangat untuk terus berjuang, saya ucapkan terima kasih dan sama-samalah kita teruskan perjuangan kita seterusnya. Penghargaan istimewa kepada ibu dan ayah serta semua ahli keluarga yang telah memberi semangat dan dorongan untuk terus berjaya. Syukur Alhamdulillah kerana Allah s.w.t telah memberikan saya kekuatan untuk mengharungi perjalanan saya sebagai calon pascasiswazah yang amat mencabar.





ABSTRAK

Kajian berbentuk tinjauan ini mengguna pakai Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan atau *Concern-Based Adoption Model* (CBAM) bagi mengukur tahap keprihatinan guru sebagai pemboleh ubah bebas dan amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara tahap keprihatinan guru dengan amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan model CBAM. Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik bertujuan untuk menentukan hubungan tahap keprihatinan dengan amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru Prinsip Perakaunan. Sejumlah 237 orang guru Prinsip Perakaunan di negeri Selangor yang terdiri daripada 8 buah Daerah terlibat sebagai responden kajian. Secara ringkasnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa keprihatinan guru prinsip perakaunan adalah di tahap yang tinggi bagi setiap tahap keprihatinan; Diri ($\text{min}=3.89$, $\text{s.p}=0.436$), Tugas ($\text{min}=3.73$, $\text{s.p}=0.540$) dan Kesan ($\text{min}=3.74$, $\text{s.p}=0.428$) dan dapatan kajian bagi amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan juga menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai skor ($\text{min } 3.93$, $\text{s.p}=0.678$). Korelasi di antara keprihatinan tahap diri, tugas dan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan nilai korelasi sederhana ($r = 0.516$), lemah ($r = 0.326$), dan sederhana ($r = 0.536$) masing-masing. Manakala korelasi di antara setiap tahap keprihatinan pula menunjukkan nilai korelasi yang tinggi antara satu sama lain. Terdapat sumbangan yang signifikan tahap keprihatinan [$F(3,233)=33.409$, $p<.05$] guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran yang menyumbang sebanyak 30.1 peratus varians ($R^2 = .301$). Kelima-lima hipotesis nol kajian ditolak. Terdapat hubungan yang signifikan antara keprihatinan diri, tugas dan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Implikasi kajian ini ialah guru-guru perlu diberi kursus berkaitan amalan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan yang terkini mengikut KSSM.





THE RELATIONSHIP BETWEEN STAGES OF CONCERN AND CHANGES OF TEACHING AND LEARNING PRACTICES AMONG PRINCIPLES OF ACCOUNTING TEACHERS USING CONCERN-BASED ADOPTION MODEL (CBAM)

ABSTRACT

This survey-based study applies Concern-Based Adoption Model (CBAM) to measure teachers' concern level as the independent variable and the changes of teaching and learning practices among accounting teachers' as the dependent variable. The study uses quantitative approach using questionnaire aims to determine the relationship between stages of concern and changes of teaching and learning practices among principles of accounting teachers using Concern-Based Adoption Model (CBAM). A total of 237 accounting teachers in the Selangor state comprises of eight districts are involved in the study. In summary, the findings show that teachers' levels of concern for the practice of new teaching strategy is at a high level for the three stages of concern; Self-esteem (mean = 3.89, SD = 0.436), Tasks (mean = 3.73, SD = 0.540), and Impact (mean = 3.74, SD = 0.428). While, similarly the changes of practices in the teaching strategy and adhering to the accounting principles shows a high level of score (mean 3.93, SD = 0.678). Correlations between self-esteem, task and impact on teaching and learning strategy changes show moderate ($r = 0.516$), weak ($r = 0.326$), and moderate ($r = 0.536$) relationship respectively. Whereas the correlations between each level of concern indicate high correlation values with each other. There is a significant contribution of level of concern [$F(3,233) = 33.409$, $p < .05$] to changes in the practices of teaching and learning among accounting principles teachers which accounted for 30.1 percent of the variance ($R^2 = .301$). All five research null hypotheses are rejected. There are significant relationships between self-esteem, task and impact on changes of practices of teaching and learning in the Standard Based Curriculum for Secondary School (SCSS) Principles of Accounting. Implication of this study, teachers should be given courses related to the latest teaching and learning strategies Accounting Principles according to the KSSM.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Perbandingan di antara KBSM dan KSSM Prinsip Perakaunan	11
1.4 Pernyataan Masalah	13
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.5.1 Kepentingan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)	18
1.5.2 Kepentingan kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG)	18
1.5.3 Kepentingan kepada Pentadbir Sekolah	19
1.5.4 Kepentingan kepada Guru Prinsip Perakaunan	19



1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Soalan dan Hipotesis Kajian	21
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.9	Andaian, Limitasi dan Delimitasi Kajian	27
1.10	Definisi Operasi	28
1.10.1	Keprihatinan	28
1.10.2	Perubahan Kurikulum	28
1.10.3	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	29
1.11	Kesimpulan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Concern-Based Adoption Model (CBAM)	32
2.2.1	Keprihatinan Guru	35
2.3	Amalan Perubahan Kurikulum Prinsip Perakaunan KSSM	41
2.3.1	Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM	42
2.4	Kesimpulan	48

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Populasi dan Sampel	51
3.4	Instrumen Kajian	53
3.5	Kajian Rintis	59

3.6	Prosedur Kajian	65
3.7	Penganalisan Data	67
3.7.1	Statistik Deskriptif	68
3.7.2	Statistik Inferensi	69
3.7.2.1	Penentuan Kekuatan Korelasi	70
3.7.2.2	Penentuan Kekuatan Regresi	71
3.8	Faktor Analisis	73
3.9	Etika Kajian	77
3.10	Kesimpulan	78

BAB 4 ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

4.1	Pendahuluan	80
4.2	Profil Demografi Responden	81
4.3	Penyemakan Data Sebenar	82
4.3.1	Ujian Normaliti	83
4.3.1.1	Ujian <i>Skewness</i> Dan Ujian <i>Kurtosis</i>	83
4.3.1.2	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Ujian Shapiro-Wilk	84
4.4	Analisis Statistik Deskriptif	86
4.4.1	Apakah tahap keprihatinan guru terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?	86
4.5	Analisis Statistik Inferensi	94
4.5.1	Adakah terdapat hubungan di antara tahap keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?	95

4.5.2	Adakah terdapat hubungan di antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru Prinsip Perakaunan?	99
4.5.3	Sejauh manakah sumbangan faktor keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?	100
4.6	Kesimpulan	104
BAB 5 PERBINCANGAN DAN PENUTUP		
5.1	Pengenalan	106
5.2	Rumusan Objektif Kajian	107
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	108
5.3.1	Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM	111
5.3.2	Hubungan di antara tahap keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.	117
5.3.3	Hubungan di antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru prinsip perakaunan.	120
5.3.4	Sumbangan faktor keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.	124
5.4	Implikasi kajian	125
5.5	Cadangan	129
5.6	Penutup	131
RUJUKAN		132

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Keputusan SPM Prinsip Perakaunan	17
1.2	Peringkat Keprihatinan Berdasarkan Concern-Based Adoption Model (CBAM)	24
1.3	Amalan Perubahan Kurikulum Baharu Prinsip Perakaunan	25
2.1	Definisi Peringkat Keprihatinan Mengikut Tahap	34
2.2	Perbezaan di antara PdP dan PdPc	45
3.1	Data Populasi Guru Prinsip Perakaunan di Negeri Selangor	51
3.2	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	52
3.3	Taburan Soal Selidik mengikut Bahagian Soal Selidik	54
3.4	Soal Selidik Demografi Responden	55
3.5	SoCQ mengikut Peringkat Keprihatinan	56
3.6	Penggunaan Skala Likert dalam Soal Selidik Bahagian II	58
3.7	Item Soal Selidik Amalan Strategi PdP Baharu Prinsip Perakaunan	59
3.8	Pekali Saiz Alfa Cronbach	60
3.9	Nilai Pekali Alpha Cronbach bagi Setiap Konstruk Instrumen Kajian	61
3.10	Kesahan Kandungan oleh Panel yang Dilantik	63
3.11	Ulasan dan Pandangan Pakar Berkaitan Soal Selidik	64
3.12	Intepretasi Min Peringkat Keprihatinan Guru dan Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Baharu Prinsip Perakaunan	69





3.13	Nilai Pekali Korelasi	70
3.14	Gambaran Keseluruhan Analisis Data Deskriptif dan Inferensi	73
3.15	Keputusan Ujian KMO dan Bartlett's Keprihatinan	74
3.16	Item Keprihatinan selepas Rotated Component Matrix	76
4.1	Profil Demografi Responden	81
4.2	Keputusan Ujian Skewness dan Kurtosis	84
4.3	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	85
4.4	Skor Min Keseluruhan Tahap Amalan Perubahan Strategi PdP Prinsip Perakaunan KSSM	88
4.5	Skor Min Tahap_0 Kesedaran	89
4.6	Skor Min Tahap_1 Informasi	90
4.7	Skor Min Tahap_2 Personel	90
4.8	Skor Min Tahap_3 Pengurusan	91
4.9	Skor Min Tahap_4 Konsekuensi	92
4.10	Skor Min Tahap_5 Kerjasama	93
4.11	Skor Min Tahap_6 Fokus Semula	93
4.12	Skor Min Keseluruhan Tahap Keprihatinan Guru Prinsip Perakaunan	94
4.13	Analisis korelasi di antara tahap Keprihatinan Diri Terhadap Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prinsip Perakaunan.	96
4.14	Analisis Kolerasi di Antara Tahap Keprihatinan Tugas Terhadap Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prinsip Perakaunan	97





4.15	Analisis Kolerasi di Antara Tahap Keprihatinan Kesan Terhadap Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prinsip Perakaunan	98
4.16	Analisis kolerasi di antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru Prinsip Perakaunan	100
4.17	Keputusan Analisis sumbangan faktor keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran guru prinsip perakaunan	102
4.18	Keputusan Ujian ANOVA Regresi Berganda	102
4.19	Pekali Regresi Berganda	102
4.20	Rumusan Hipotesis Kajian	103





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoretikal Kajian	26
4.1	Q-Q Plots Test Markah Skor Keprihatinan Guru Prinsip Perakaunan	86





SENARAI SINGKATAN

ACCA	<i>Associates of Chartered and Certified Accounting</i>
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CBAM	<i>Concern-Based Adoption Model</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IFAC	<i>International Federation of Accountants</i>
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LCCI	<i>London Chamber of Commerce and Industry</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MIA	<i>Malaysian Institute of Accountants</i>
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
PAE	<i>Professional Accounting Education</i>
PP	Prinsip Perakaunan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SoCQ	<i>Stages of Concern Questionnaire</i>
SCSS	<i>Standard Curriculum for Secondary School</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Tawaran Kemasukan Program
- B Surat Kelulusan Permohonan Pertukaran Bidang
- C Surat Pengesahan Status Pelajar
- D Surat Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- E Instrumen Soal Selidik
- F Borang Menguji Kesahan Kandungan Instrumen
- G Borang Pengesahan Instrumen Kajian
- H Surat Lantikan Pakar dan Borang Malum Balas Kesahan Instrumen
- I Laporan Penilaian Cadangan Penyelidikan
- J Perincian Pengisian KSSM dan KBSM
- K Case Processing Summary
- L Ujian Normality dan Skeweness Data
- M Rotated Factor Matrix Faktor Loading bagi Faktor Keprihatinan





BAB 1

PENGENALAN



Pendidikan kini dilihat sebagai satu proses untuk melahirkan individu yang seimbang dari aspek insaniah, kerohanian, kognitif, dan emosi. Kebanyakan sistem pendidikan di seluruh dunia memfokuskan kepada aspek tertentu berdasarkan kehendak negara dan global. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, telah merangka satu proses transformasi secara holistik agar sistem pendidikan di negara ini setaraf dengan sistem pendidikan luar negara. Transformasi pendidikan dari perspektif sains sosial merupakan satu proses semula jadi agar pembelajaran dan pengajaran dapat ditambah baik dan berlaku perubahan yang mendalam dan menyeluruh.





Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 membolehkan pelaksanaan transformasi sistem pendidikan negara dilakukan secara menyeluruh dalam semua aspek bagi menterjemah aspirasi dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digambarkan dalam bentuk objektif bagi setiap disiplin ilmu di sekolah. Enam aspirasi pelajar diperkenalkan di dalam PPPM 2013-2025 iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan juga identiti nasional. Aspirasi-aspirasi ini diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar dicapai oleh para pelajar berdasarkan standard pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum baharu sistem pendidikan negara iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Sejak diperkenalkan ke dalam sistem pendidikan pada tahun 2017, perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang efisien merupakan kunci kepada keberkesanan pelaksanaan KSSM yang mengintegrasikan pelbagai elemen baharu pendidikan. Dengan menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai dokumen rujukan, pelaksanaan KSSM menuntut semua pihak dalam bidang pendidikan baik di peringkat pelaksana mahu pun di peringkat kementerian untuk saling bekerjasama memikul tanggungjawab bagi memastikan objektif pendidikan negara tercapai. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan setiap standard yang ditetapkan di dalam kurikulum baharu dapat direalisasikan.

Implementasi kurikulum baharu pendidikan diharap dapat membantu menyediakan pelajar untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi yang mereka akan hadapi kelak. Justeru pengenalan KBSM dilihat sebagai suatu usaha yang berterusan ke arah pembinaan potensi individu agar pelajar memperoleh pengetahuan, kemahiran





dan sikap positif yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Di samping fokus terhadap perkembangan potensi pelajar, inovasi kurikulum pendidikan juga diharap dapat melahirkan pendidik yang dapat menterjemah maksud sebenar falsafah pendidikan yang harus menjadi proses yang hidup serta realistik yang tidak semata-mata terikat dengan teori dari buku tetapi harus dihubungkan dengan pengalaman dalam kehidupan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum yang sering berubah dalam sistem pendidikan di Malaysia memberikan kesan bukan sahaja kepada guru bahkan para pelajar. Namun begitu, perubahan kurikulum yang diimplementasikan dalam sistem pendidikan sememangnya adalah untuk memantapkan struktur kurikulum negara selaras dengan falsafah pendidikan negara. Oleh hal yang demikian, KSSM Prinsip Perakaunan digubal selaras rmatlamat untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran Perakaunan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna serta kesepaduan teori dan amalan perakaunan (BPK, 2016a). Kesemua atribut ini diterjemahkan secara eksplisit di dalam DSKP Prinsip Perakaunan.

Pelaksanaan KSSM bagi menggantikan sukatan pelajaran terdahulu dalam Kurikulum Berasaskan Sekolah Menengah (KBSM) juga membawa kepada pembaharuan elemen yang diterapkan di dalam kurikulum Prinsip Perakaunan. Proses





transformasi ini jelas diterapkan dalam elemen kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah pentaksiran yang diperincikan di dalam DSKP Prinsip Perakaunan. Dengan merujuk DSKP sebagai panduan utama transformasi kurikulum Prinsip Perakaunan, terdapat perbezaan yang signifikan di antara KSSM dan KBSM, antaranya ialah mata pelajaran ini telah dijenamakan semula di bawah kumpulan Mata Pelajaran Elektif Ikhstias (MPEI) di mana sebelum ini dinamakan sebagai kumpulan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional.

Penjenamaan semula mata pelajaran Prinsip Perakaunan juga telah membawa dimensi baharu terhadap corak pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan memperkasa Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu unsur tambah nilai yang diterapkan dalam proses PdPc bagi mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan.

Selain itu, pembaharuan KSSM juga merangkumi tiga aspek utama dalam kurikulum iaitu aspek kandungan, aspek strategi pengajaran dan pembelajaran dan aspek pentaksiran. Ketiga-tiga aspek ini akan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, nilai murni dan juga kemahiran yang dihasratkan oleh KPM seiring dengan objektif pengubalan KSSM.

MPEI Prinsip Perakaunan merupakan satu mata pelajaran elektif di sekolah menengah di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) yang merangkumkan dua bidang utama perakaunan iaitu perakaunan kewangan dan perakaunan pengekosan. Dalam kurikulum ini, aspek teori yang memerlukan kebolehan melakukan (*hands-on*) dan kemahiran berfikir (*minds-on*) telah diterapkan bagi mencapai Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) bagi memenuhi keperluan para





pelajar dalam pendidikan Perakaunan. Oleh itu, proses pelaksanaan perubahan kurikulum akan dinilai berdasarkan faktor profil guru (Ling & Wah, 2015) yang memfokuskan kepada sejauh mana tahap keprihatinan mereka dalam menghadapi proses-proses yang terlibat dalam inovasi kurikulum.

Selaras dengan matlamat pendidikan perakaunan iaitu untuk melahirkan profesional perakaunan lepasan sekolah yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri ataupun bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kurikulum ini juga dapat menyediakan seorang insan yang mempunyai nilai murni, etika kerja yang cemerlang dan bertanggungjawab terhadap persekitarannya. Hal ini diperakui sendiri oleh Perdana Menteri dalam ucapannya dimana:



Kerajaan menyasar untuk melonjakkan bilangan Bumiputera yang memegang pensijilan perakaunan profesional daripada hanya lapan peratus atau 1,554 orang ketika ini kepada 25 peratus menjelang tahun 2020. (Arshad, 2015).

Sukatan pelajaran KSSM Prinsip Perakaunan disediakan bagi membolehkan pelajar mendapat kemahiran sebenarnya memenuhi keperluan badan profesional dalam menyediakan satu set lengkap rekod perakaunan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan mengikut prinsip perakaunan yang diterima pakai serta mentafsir maklumat kewangan yang telah disediakan. Sebagai tambahan, pelajar-pelajar didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, proses lengkap penyediaan penyata kewangan dan pengurusan pengekosan. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan serta





menganalisis maklumat untuk membuat keputusan selaras dengan keperluan k-ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat semasa (BPK, 2016a).

Perubahan kurikulum yang berlaku bagi meningkatkan mutu sistem pendidikan negara menyebabkan penambahbaikan sukatan pelajaran sedia ada contohnya mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai salah satu mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia. Dengan berlakunya perubahan atau transformasi dalam kurikulum yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru perlu memainkan peranan mereka sebagai seorang guru yang kompeten bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan di dalam objektif penubuhan kurikulum baharu. Transformasi yang dilakukan oleh pihak kementerian semestinya menghalia kepada perubahan yang positif dan bermakna dalam diri setiap individu yang



Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran yang seringkali menerima pelbagai kritikan disebabkan oleh prestasi pelajar yang lemah dan penurunan bilangan pelajar yang berminat untuk mempelajari subjek ini (Schreuder, 2014). Sebenarnya, objektif utama pendidikan Perakaunan adalah untuk menyediakan pelajar untuk pasaran kerjaya pada masa akan datang (Zraa, 2011). Akan tetapi, pelajar yang berminat untuk menceburi profesion berkaitan bidang perakaunan mestilah memenuhi syarat minimum kelayakan akademik yang ditetapkan oleh suatu badan Perakaunan profesional (Utami, Priantara, & Manshur, 2011). Oleh hal yang demikian, guru merupakan insan yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan sebagai pendidik agar isu ini dapat ditangani.





Setiap negara mempunyai institut akauntan yang menjalankan tanggungjawab untuk memastikan kurikulum yang diimplementasikan di institusi pengajian sama ada peringkat menengah sehinggalah ke peringkat universiti memenuhi standard profesion akauntan bertauliah. Sebagai contoh, di Indonesia, Institut Akauntan Indonesia atau *Indonesian Institute of Accountants* (IIA) merupakan badan Perakaunan profesional yang menetapkan kurikulum bagi Pendidikan Perakaunan Profesional atau *Professional Accounting Education* (PAE) di negara tersebut. IIA telah membangunkan satu set kurikulum PAE di mana calon-calon mestilah melepasi tujuh subjek wajib (*mandatory subject*) atau bersamaan dengan 245 jam kredit (Utami et al., 2011). Di Malaysia pula, Institut Akauntan Malaysia (*Malaysian Institute of Accounting* - MIA) merupakan badan profesional yang meletakkan garis panduan yang perlu dipatuhi dalam penggubalan kurikulum pendidikan perakaunan di Malaysia.



Cabaran pertama yang perlu ditangani oleh guru ialah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh penggubal standard perakaunan kebangsaan. MIA menggariskan Panduan Akreditasi (*Accreditation Guidelines*) untuk dijadikan panduan oleh universiti bagi menilai secara eksplisit tahap kemahiran kognitif dan tingkah laku para graduan (Haslinah Muhamad & Sudin, 2015). Menurut Mandilas, Kourtidis, dan Petasakis (2014) pendidikan Perakaunan perlulah selaras dengan perubahan dalam bidang perniagaan di samping penyediaan kurikulum yang akan memperkukuh profesion sebagai seorang akauntan bagi mendepani keperluan dunia pada masa ini. Bagi memastikan pendidikan perakaunan kekal relevan, teknik pengajaran yang moden mestilah diterapkan dalam pengajaran pendidikan Perakaunan untuk memenuhi objektif pendidikan perakaunan (Mandilas et al., 2014). Pengajian Perakaunan di





Malaysia pula diselaraskan dengan FPK agar program-program pengajian perakaunan dapat meningkatkan moral para pelajar (Haslinah Muhamad & Sudin, 2015).

Standard antarabangsa yang perlu diimplementasikan ke dalam sukatan mata pelajaran juga antara cabaran yang perlu didepani oleh guru perakaunan. *International Federation of Accountants* (IFAC) telah menyediakan satu rangka kerja yang dikenali sebagai *International Standard for International Education Standard for Professional Accountants* (IESPA). IESPA telah dirangka oleh satu badan yang dikenali sebagai *International Accounting Education Standard Board* (IAESB). Badan ini ditubuhkan oleh IFAC untuk membangunkan dan mengutarakan isu-isu berkaitan kepentingan awam dan di bawah kuasa sendiri termasuk pelaporan Penyata Amalan Pendidikan Antarabangsa (IEPSs), Laporan dan dokumen maklumat lain berkaitan pendidikan prakelayakan dan latihan bagi profesional akauntan dan memberi pendidikan berterusan ke arah pembangunan profesional untuk ahli-ahli profesion perakaunan.

Menurut IFAC (2008), PAE mestilah merangkumi tiga kandungan yang perlu dirangkumkan di dalam sukatan iaitu:

- (i) Perakaunan, Kewangan dan pengetahuan berkaitan
- (ii) Pengurusan dan ilmu perniagaan; dan
- (iii) Ilmu Teknologi Maklumat dan Kompetensi

Pada masa yang sama, guru juga menghadapi cabaran dalam memilih model pembelajaran yang sesuai untuk digunakan untuk mengajar (Zraa, 2011). Model pembelajaran yang sesuai amat signifikan bagi menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif agar pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran yang





diperoleh dengan betul semasa bekerja (Mandilas et al., 2014). Cara pengajaran dan pembelajaran perlu diselaraskan dengan perubahan peranan akauntan yang dulu hanya sebagai profesion dalam bidang teknikal kepada profesion yang berorientasikan klien (*clien-oriented*). Sebagai contoh, Zraa (2011) mencadangkan model pengajaran yang paling sesuai untuk membangunkan amalan pembangunan profesional adalah model pembelajaran koperatif. Oleh itu, penggunaan model pengajaran yang sesuai dengan kehendak pasaran kerjaya akauntan perlulah diterapkan oleh pendidik Perakaunan bagi melahirkan bakal akauntan yang profesional.

Seterusnya, pendidik Perakaunan perlulah menekankan aspek kemahiran kepada graduan-graduan Perakaunan. Antara kemahiran yang perlu diberi perhatian adalah kemahiran intelektual yang terdiri daripada kemahiran menyelesaikan masalah dan juga kemahiran berfikir secara kritikal (Zraa, 2011). Usaha KPM untuk memastikan para pelajar mempunyai minat untuk menyambung pelajaran dalam bidang Perakaunan telah dipupuk sejak dari bangku sekolah lagi. Buktinya, sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan bagi pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima yang berasaskan masalah membawa pelajar kepada satu pendekatan pembelajaran konstruktivis dan menyelesaikan masalah Perakaunan dalam persekitaran sebenar (Toh & Yusof, 2013).

Di samping itu, etika juga perlu diintegrasikan di dalam pengajaran Perakaunan (Win, 2014; Ahmad, 2015; Muhamad, Salleh, Ismail, & Kasim, 2015). Elemen etika perlu diterapkan oleh pendidik Perakaunan dalam proses pengajaran agar bakal akauntan mempunyai akauntabiliti yang tinggi. Isu ini timbul setelah berlakunya skandal yang melibatkan syarikat-syarikat multinasional seperti Enron, Sunbeam, Waste Management, dan WorldCom yang terlibat di dalam kes salah laku amalan





Perakaunan (Ahmad, 2015). Amalan salah laku ini mengakibatkan kerugian yang besar bukan sahaja kepada syarikat yang terlibat di dalam skandal tersebut, tetapi juga telah mencemarkan persepsi awam terhadap kredibiliti profesion akauntan. Menurut (Win, 2014), penerapan nilai etika penting untuk pelajar Perakaunan supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi dilema etika di alam pekerjaan sebenar kelak. Oleh itu, nilai etika perlulah diintegrasikan di dalam kurikulum Perakaunan agar bakal akauntan lebih berintegriti, berkualiti, dan berakauntabiliti dalam menjalankan tanggungjawab sebagai akauntan profesional.

Para pendidik perakaunan juga menghadapi masalah dalam penggunaan strategi pengajaran yang sesuai dengan pelajar. Strategi pengajaran yang digunakan oleh pendidik mungkin berbeza di antara satu sama lain disebabkan oleh persekitaran dan perbezaan budaya setempat (Riccio & Sakata, 2000). Penggunaan alat pedagogi yang sesuai dengan proses pengajaran dan pengetahuan yang meluas tentangnya amat diperlukan bagi membantu proses pengajaran yang berkesan (Fatima, Ahmad, Nor, & Nor, 2007). Antara kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan dalam pendidikan perakaunan adalah dengan kaedah kuliah, kelas tambahan, penyelesaian masalah, tugas individu sama ada di rumah atau semasa kelas, kajian perpustakaan, seminar, kajian internet, aktiviti berasaskan komputer, dan juga mengadakan lawatan ke firma-firma (Riccio & Sakata, 2000).





1.3 Perbandingan di antara KBSM dan KSSM Prinsip Perakaunan

Umum mengetahui bahawa KBSM mula dilaksanakan di Malaysia bermula tahun 1989 (Jalil, 2016). Setelah melalui proses semak semula dari tahun ke tahun, KSSM akhirnya diperkenalkan melalui pelancaran PPPM 2013-2025 (BPK, 2016b). Sehubungan dengan itu, kurikulum Prinsip Perakaunan sebagai mata pelajaran elektif (teknik dan vokasional) semasa implementasi KBSM telah dijenamakan semula di bawah Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) di bawah kelompok Ikhtisas Kemanusiaan (Yunus et al., 2016). Di bawah pengimplementasian KBSM Prinsip Perakaunan, 15 topik akan dipelajari oleh para pelajar selama dua tahun. Tujuh topik akan diajar semasa Tingkatan 4 manakala bakinya lapan topik akan dipelajari semasa berada di Tingkatan 5 (BPK, 2009). Di bawah implementasi KSSM pula, sembilan topik perlu dikuasai semasa berada di tingkatan empat dan tujuh topik semasa berada di Tingkatan 5 (BPK, 2016b). Susunan topik pembelajaran ini dibentuk berdasarkan aspek teori dan amalan perakaunan yang disepadukan dalam 16 modul pembelajaran merangkumi bidang perakaunan kewangan dan pengurusan pengekoson (BPK, 2016b).

Penyampaian mata pelajaran prinsip perakaunan KSSM ini adalah berdasarkan kepada amalan proses kerja yang dijalankan dari satu peringkat ke satu peringkat lain yang dinamakan sebagai kitaran perakaunan. Penggunaan dokumen kurikulum (KPM, 2012a), Prinsip Perakaunan KBSM Semak Semula yang digunakan pada tahun 2009 sehingga tahun 2011 diterjemahkan ke dalam huraian sukatan pelajaran manakala kandungan KSSM diekplisitkan ke dalam DSKP (KPM, 2012a). Kedua-dua dokumen kurikulum ini menekankan pendekatan pembelajaran yang berbeza dimana KBSM digubal berasaskan hasil pembelajaran manakala KSSM digubal berasaskan standard





iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (SPi) (KPM, 2012a).

Seterusnya, inovasi kurikulum prinsip perakaunan KSSM diteruskan dengan peruntukan masa yang ditetapkan bagi setiap mata pelajaran (KPM, 2012a). Peruntukan waktu bagi KBSM diperuntukkan mengikut minit seminggu, contohnya, pelajar tingkatan empat KBSM Prinsip Perakaunan perlu mempelajari tujuh subtopik bagi tajuk Pengenalan kepada Perakaunan selama 10 waktu. Setiap waktu diperuntukkan selama 40 minit, maka guru hanya mengajar dalam lingkungan enam ke tujuh jam sahaja bagi subjek ini. Bagi KSSM pula, peruntukan masa pula diberikan mengikut minimum jam setahun. Misalnya, bagi tajuk yang sama, pelajar perlu mengikuti kelas selama 10 jam (BPK, 2016a). Organisasi kurikulum pula lebih kepada kumpulan mata pelajaran yang telah dikategorikan kepada beberapa kumpulan (KPM, 2012a). Bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan, ia merupakan subjek di dalam kumpulan Mata pelajaran elektif di bawah kategori Elektif Ikhtisas (BPK, 2016a).

Inovasi kurikulum prinsip perakaunan KSSM seterusnya berkisar tentang penjenamaan semula mata pelajaran (KPM, 2012a). Subjek Prinsip Perakaunan dinamakan semula dengan istilah MPEI KSSM di mana sebelum ini dinamakan sebagai Mata pelajaran Elektif Teknikal (MPET). Penjenamaan semula ini bukan sekadar hanya pada istilah yang digunakan, tetapi juga pada kandungan kurikulum yang memenuhi keperluan badan profesional perakaunan seperti *Malaysian Institute of Accountants* (MIA), *Malaysia Institute of Certified Public Accountants* (MICPA), *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA), *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), dan *London Chamber of Commerce and Industry*





(LCCI) (BPK, 2009). Usaha ini mampu melahirkan profesional perakaunan peringkat sekolah bertaraf antarabangsa, berilmu, dan dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk diri sendiri, masyarakat dan negara.

Kesimpulannya, KBSM digubal untuk membentuk insan yang seimbang, sepadu dan menyeluruh. Bagi tujuan itu, strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah menengah menekankan aktiviti yang berpusatkan pelajar dalam iklim pembelajaran yang sesuai supaya pelajar mengambil bahagian secara aktif. Dari segi pengetahuan dan kemahiran, penyampaian secara bersepadu meliputi amalan nilai-nilai murni dan penggunaan bahasa yang baik. Bagi KSSM pula, penggubalannya lebih bersifat sistematik diolah berdasarkan komponen pendidikan iaitu kandungan pendidikan, alat pendidikan, dan infrastruktur pendidikan supaya perubahan menjadi lebih bersepadu, holistik serta komprehensif. Oleh hal yang demikian, KSSM telah diintegrasikan dengan pelbagai elemen pembaharuan agar penyampaian kurikulum yang lebih mapan dapat dilaksanakan.

1.4 Pernyataan Masalah

Struktur kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang seringkali diubah oleh pihak kementerian bukanlah satu tindakan untuk menghapuskan status quo mata pelajaran tersebut. Akan tetapi, usaha tersebut adalah untuk memastikan hasrat kerajaan yang optimis dapat melahirkan 60,000 akauntan professional menjelang tahun 2020 bagi memenuhi permintaan berikutan saiz ekonomi negara yang semakin berkembang (Arshad, 2015).





Hal ini dikatakan demikian kerana kepakaran dalam bidang perakaunan amat diperlukan untuk menguruskan hal berkaitan kewangan. Oleh hal yang demikian, tindakan pihak kementerian untuk menggubal kurikulum sedia ada merupakan inisiatif yang amat tepat sekali bagi melahirkan lebih ramai bakal akauntan profesional di negara ini. Namun begitu, beberapa isu telah timbul rentetan pelaksanaan kurikulum ini antaranya termasuklah isu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Zhang, 2008), isu guru novis dan program latihan (Ibrahim et al., 2015) serta isu komitmen guru terhadap aktiviti luar bilik darjah (Beare, 2001). (Zara, W., Kavanagh, M. & Hartle, 2011) mendapati bahawa, penggunaan komputer telah mengubah secara komprehensif peranan akauntan dari tugas teknikal kepada orang yang semakin berorientasikan terhadap klien, maka pengajaran dan pembelajaran Perakaunan perlu disesuaikan sesuai untuk menghadapi cabaran peranan baru ini.



Penyampaian kurikulum yang berkesan semestinya dipengaruhi oleh cara guru mengajar di dalam bilik darjah. Menurut Zhang (2008), isu berkaitan masalah ini timbul apabila guru tidak menggunakan cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang betul seperti yang telah ditetapkan di dalam kurikulum. Sebagai contoh, penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan monitor LCD, tablet, laptop dan sebagainya merupakan cara mengajar abad ke-21 yang perlu dikuasi oleh seorang guru (Al-Bataineh, 2013). Penguasaan strategi PdP yang berkesan dapat memastikan guru menjadi seorang pendidikan yang berkualiti (Zhang, 2008). Tambah Sang (2011), guru perlu kreatif dalam merancang aktiviti di dalam kelas supaya aktiviti PdP berjalan dengan lancar. Sanders & Ngxola (2009), menjelaskan bahawa perubahan kurikulum ini memerlukan guru bersedia menghadapi topik baru seperti isi kandungan baru dan





pengetahuan kandungan pedagogi yang baru dalam melaksanakan amalan perubahan kurikulum.

Selain itu, isu guru novis turut mempengaruhi penyampaian kurikulum (Ibrahim et al., 2015). Setiap tahun, lebih daripada 15,000 orang guru novis ditempatkan ke seluruh Malaysia. Menurut Senom et al. (2013), sebahagian daripada guru-guru tersebut telah diberi latihan yang berkualiti, berkompetensi dan berkeyakinan untuk membantu pelajar-pelajar. Namun demikian, masih ramai di antara mereka yang tidak bersedia untuk menghadapi cabaran sebenar sebagai seorang guru. Guru yang baru ditempatkan di sekolah selalunya menghadapi masalah di awal kerjayanya kerana tidak mampu mengaplikasikan ilmu dan teori-teori yang dipelajarinya semasa di institusi dalam situasi yang sebenar (Ibrahim et al., 2015). Oleh itu, isu guru novis tidak boleh diambil ringan kerana isu ini boleh menghalang penyampaian kurikulum dengan berkesan. Terdapat guru novis yang tidak suka dipersoalkan tentang amalan professional mereka selepas menyelesaikan latihan awal. Guru-guru ini merasakan bahawa mereka tidak memerlukan latihan seterusnya. Oleh itu, mereka tidak berusaha untuk memperbaiki amalan dan mempelajari kemahiran baru.

Isu keprihatinan guru yang menyebabkan guru kurang memberi komitmen terhadap perubahan kurikulum ialah apabila guru menumpukan tugas yang berlebihan terhadap program luar bilik darjah juga menyebabkan perubahan kurikulum yang diimplementasikan kurang berjaya (Beare, 2001). Menurut Danielson (2008), sumbangan guru secara konstruktif kepada aktiviti-aktiviti sekolah perlulah dipertimbangkan sama ada dalam majlis yang besar atau tidak secara formal dengan mengambil berat kesannya kepada pelajar. Pada masa yang sama, komitmen yang





diberikan oleh guru juga haruslah tidak memberikan kekangan terhadap diri mereka untuk menguasai semua aspek baharu yang dilaksanakan di dalam kurikulum baharu. Kekerapan guru menumpukan tugas yang berlebihan terhadap program luar bilik darjah akan menyebabkan tahap keprihatinan guru terhadap kualiti kerja terganggu. Ini disokong oleh (Sultana, 2015) yang menyatakan keprihatinan individu untuk inovasi adalah berkaitan langsung dengan kualiti kerja mereka.

Kesannya, isu-isu ini akan mempengaruhi guru untuk melaksanakan inovasi seiring dengan perubahan kurikulum baharu yang diperkenalkan agar pencapaian pelajar di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menjadi tiket kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dapat direalisasikan (Puteh et al., 2012). Berdasarkan jadual 1.1, analisis SPM bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dari tahun 2013 hingga tahun 2015 menunjukkan pola yang tidak konsisten. Oleh hal yang demikian, ia menjadi pencetus kepada permasalahan kajian yang akan dilaksanakan iaitu adakah guru perakaunan hari ini telah bersedia untuk menjalankan peranan sebagai pendidik dengan mengimplementasikan perubahan kurikulum dalam aspek kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan pembelajaran dan kaedah pentaksiran. Mortimore (1993) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara penumpuan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam aspek pengurusan masa dengan tahap pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.



Berdasarkan Jadual 1.1, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) menunjukkan pola tidak konsisten kerana berlakunya penurunan GPMP pada tahun 2014 daripada 4.56 kepada 4.64 iaitu sebanyak 0.08 daripada tahun 2013 dan hanya meningkat kepada 0.29 daripada 4.64 kepada 4.35 pada tahun 2015. Data juga menunjukkan peratus pelajar yang lulus juga tidak konsisten kerana peratus lulus pada tahun 2013 ialah (91.09%) iaitu 15 139 daripada 16 619 orang pelajar yang lulus dan pada tahun 2014 ialah (92.13%) iaitu 15 523 daripada 16 849 orang pelajar yang lulus. Peningkatan ini adalah sebanyak 1.04% berbanding tahun 2013. Manakala pada tahun 2015 peratus lulus ialah (91.25%) iaitu 14 208 daripada 15 571 orang pelajar yang lulus. Peratus lulus ini adalah menurun sebanyak 0.88% berbanding tahun 2014.

Jadual 1.1

Analisis Keputusan SPM Prinsip Perakaunan

Tahun						
Gred	2013	2014	2015			
	Jumlah Pelajar	Peratus (%)	Jumlah Pelajar	Peratus (%)	Jumlah Pelajar	Peratus (%)
A+	1559	9.38	1171	9.95	1478	9.49
A	2726	16.40	2639	15.66	2676	17.19
A-	987	5.94	1061	6.30	1171	7.52
B+	1070	6.44	1210	7.18	1281	8.23
B	1390	8.36	1641	9.74	1329	8.54
C+	1630	9.81	1876	11.13	1486	9.54
C	1732	10.42	1816	10.78	1370	8.80
D	1972	11.87	1879	11.15	1763	11.32
E	2073	12.47	2230	13.24	1654	10.62
Calon Lulus	15139	91.09	15523	92.13	14208	91.25
Calon Gagal	1480	8.91	1326	7.87	1363	8.75
GPMP	4.56		4.64		4.35	

Sumber: Jabatan Pelajaran Selangor, (2016)



1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dipilih seharusnya mempunyai kepentingan kajian agar hasil dapatan kajian akan dapat dimanfaatkan oleh golongan yang berkenaan dengan kajian yang dijalankan.

1.5.1 Kepentingan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

Hasil dapatan kajian dapat membantu BPK menilai sejauh mana perubahan kurikulum dapat mempengaruhi keprihatinan guru Prinsip Perakaunan. Kurikulum baharu yang dibangunkan oleh BPK sepatutnya diterima dan dikuasai oleh semua guru agar penyampaian kurikulum yang mantap kepada pelajar dapat direalisasikan. Perubahan kurikulum juga dapat membantu BPK membuat penilaian sama ada kurikulum yang digubal untuk pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah mampu memenuhi permintaan pasaran kerjaya ataupun tidak mampu memenuhi kehendak pasaran buruh semasa. BPK juga boleh menggunakan hasil dapatan kajian untuk membuat pertimbangan terhadap kandungan kurikulum yang ditambah nilai dengan aspek pengantarabangsaan melalui usaha sama dengan badan profesional perakaunan seperti ACCA dan LCCI.

1.5.2 Kepentingan kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Hasil dapatan kajian diharap dapat digunakan sebagai panduan kepada pihak BPG untuk menambahbaik modul-modul latihan yang digunakan di institusi Pendidikan guru agar guru sentiasa fleksibel dengan perubahan yang dilakukan dalam sistem Pendidikan negara. BPG juga perlu sentiasa mengemaskini modul latihan yang digunakan agar selaras dengan perubahan sistem Pendidikan negara. Penambahbaikan standard sedia





ada amat diperlukan bagi memenuhi hasrat negara yang menginginkan para pendidik yang kompeten bagi menyampaikan kurikulum yang mengalami proses transformasi agar sistem Pendidikan negara setaraf dengan sistem pendidikan negara-negara luar.

1.5.3 Kepentingan kepada Pentadbir Sekolah

Hasil kajian ini dapat membantu pentadbir sekolah untuk menilai peringkat keprihatinan guru Prinsip Perakaunan terhadap amalan perubahan kurikulum baharu yang akan memberi kesan kepada mutu perkhidmatan yang diberikan oleh guru tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh (Ibrahim et al., 2015), pentadbir sekolah misalnya Pengetua dan Penolong Kanan memainkan peranan penting dalam menilai prestasi guru-guru.



1.5.4 Kepentingan kepada Guru Prinsip Perakaunan

Melalui kajian ini, guru-guru Prinsip Perakaunan boleh membangunkan aspek keprihatinan yang perlu mereka titik beratkan dalam mendepani segala kehendak yang telah digariskan oleh KPM dalam kurikulum baharu Prinsip Perakaunan. Sebagai tambahan, dapatan hasil kajian juga boleh digunakan oleh para guru untuk menyampaikan kurikulum Prinsip Perakaunan KSSM dengan lebih berkesan agar pelajar mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Guru Prinsip Perakaunan perlu menguasai kurikulum secara menyeluruh agar proses penyampaian kurikulum kepada pelajar berjalan lancar sebagai petunjuk kepada kompetensi mereka.



1.6 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk menentukan tahap keprihatinan guru terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran guru Prinsip Perakaunan. Peringkat keprihatinan guru ditentukan dengan mengadaptasi instrumen soal selidik *Stages of Concern Questionnaire* (SoCQ) yang dikelompokkan kepada tujuh tahap keprihatinan (SoC). Keprihatinan peringkat diri terdiri daripada tiga tahap keprihatinan iaitu tahap 0 (kesedaran), tahap 1 (maklumat) dan tahap 2 (personel). Peringkat tugas pula terdiri daripada tahap 3 (pengurusan) manakala keprihatinan kesan meliputi tahap 4 (konsekuen), tahap 5 (kerjasama), dan tahap 6 (fokus semula).

Model yang dicadangkan menggunakan teori keprihatinan adalah sebuah teori yang dikemukakan oleh (Fuller, 1969). Set soal selidik *Stages of Concern Questionnaire* (SoCQ) oleh (A. A. George, Hall, Stiegelbauer, & Southwest Educational Development Laboratory., 2006) digunakan sebagai instrumen untuk mengenal pasti keprihatinan bagi setiap guru dan diubah suai diubah suai berdasarkan kesesuaian objektif kajian seperti berikut:

- 1) Menentukan tahap keprihatinan guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM.
- 2) Menentukan hubungan antara tahap keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM.



- 3) Menentukan hubungan antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru Prinsip Perakaunan.
- 4) Mengenal pasti sumbangan faktor keprihatinan peringkat diri, peringkat tugas dan peringkat kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM.

1.7 Soalan dan Hipotesis Kajian

Sesuai dengan objektif utama kajian, hasil dapatan kajian diharap dapat menjawab soalan apakah tahap keprihatinan guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM. Sehubungan dengan itu, lima soalan kajian berikut turut dikaji:

- 1) Apakah tahap keprihatinan guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara tahap keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?

H_{01} Tidak terdapat hubungan di antara tahap keprihatinan diri terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.





H₀₂ Tidak terdapat hubungan di antara tahap keprihatinan tugas terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.

H₀₃ Tidak terdapat hubungan di antara tahap keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.

3) Adakah terdapat hubungan di antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru Prinsip Perakaunan?

H₀₄ Tidak terdapat hubungan di antara keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan guru Prinsip Perakaunan.



4) Sejauh manakah sumbangan faktor keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM?

H₀₅ Tidak terdapat sumbangan yang signifikan keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan keprihatinan kesan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang diandaikan di dalam kajian ini merumuskan perhubungan antara peringkat keprihatinan dan amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran yang menjadi struktur atau rangka kerja bagi kajian yang dijalankan.

Kajian ini menggabungkan teori berkaitan keprihatinan yang menjadi asas kepada model CBAM (Fuller, 1969) dan teori amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran. Konstruk keprihatinan guru diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik SoCQ (A. A. George, Hall, Stiegelbauer, et al., 2006) yang digunakan secara meluas dalam pelbagai kajian yang berkaitan dengan inovasi pendidikan di samping mempunyai kesahan yang baik (A. A. George, Hall, Stiegelbauer, et al., 2006).

CBAM terdiri daripada tiga dimensi komponen diagnostik yang dinamakan sebagai *Stages of Concern (SoC)*, *Levels of Use (LoU)* dan *Innovation Configuration (IC)* (A. A. George, Hall, Stiegelbauer, et al., 2006).

Concern-Based Adoption Model (CBAM) merupakan rangka kerja konseptual yang telah dirancang oleh (Fuller, 1969). Teori ini menerangkan, menjelaskan dan meramalkan kelakuan yang mungkin berlaku sepanjang proses perubahan dan ini dapat membantu para pemimpin pendidikan, jurulatih, dan pemaju staf memfasilitasi proses tersebut (A. A. George, Hall, & Stiegelbauer, 2006). Menurut George et al. (2006), istilah “*stages*” digunakan kerana biasanya terdapat gerakan perkembangan melaluinya iaitu, pengguna sesuatu inovasi mungkin mengalami jenis perhatian tertentu yang agak ketara, dan kemudian apabila kebimbangan itu berkurangan, satu lagi jenis

kebimbangan mungkin muncul. Tujuh tahap keprihatinan tersebut dibahagikan pula kepada tiga peringkat keprihatinan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Peringkat Keprihatinan Berdasarkan Concern-Based Adoption Model (CBAM)

Peringkat Keprihatinan		Ekspresi Keprihatinan
Kesan	6	Saya mempunyai alternatif lain untuk menambah baik perubahan yang sedang berlaku
	5	Saya ingin bekerjasama dengan guru lain bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan perubahan
	4	Bagaimanakah pengamalan perubahan memberi kesan ke atas pelajar saya
Tugas	3	Saya menggunakan masa yang banyak untuk menyediakan bahan-bahan
Diri	2	Saya ingin tahu kesan pengamalan perubahan tersebut memberi kesan ke atas saya
	1	Saya ingin tahu dengan lebih lanjut berkaitan perubahan yang berlaku
Tidak Prihatin	0	Saya tidak prihatin dengan perubahan yang berlaku

Sumber: Diadaptasi daripada Model CBAM oleh Frances Fuller (1969)

Pengkaji telah mengenal pasti amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran yang signifikan dalam melaksanakan kurikulum baharu berdasarkan DSKP Prinsip Perakaunan. Sebagai sebahagian daripada proses pengajaran, pedagogi terdiri daripada perkara yang dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah, ini termasuklah idea, pengetahuan dan sikap mereka terhadap murid, proses pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum (Westbrook et al., 2013). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan tercapai sekiranya guru menguasai pengetahuan dan memiliki daya kefahaman serta keupayaan menterjemah penggunaan strategi PdP yang telah disarankan oleh pihak kementerian.

Jadual 1.3

Amalan Perubahan Kurikulum Baharu Prinsip Perakaunan


Amalan Perubahan Kurikulum Baharu Prinsip Perakaunan	Perincian Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM
Amalan Perubahan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM	- Pembelajaran Kendiri - Pembelajaran Kolaboratif - Pembelajaran Berasaskan Projek - Pembelajaran Berasaskan Inkuiri - Penyelesaian Masalah - Pembelajaran Masteri - Konstruktivisme - Pembelajaran Penerokaan - Pendekatan STEM (<i>Science, Technology, Engineering & Mathematics</i>)

Sumber: Diadaptasi daripada DSKP Prinsip Perakaunan

Berdasarkan Jadual 1.2 dan Jadual 1.3, pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian

terdiri daripada pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

Pemboleh ubah tidak bersandar adalah teori keprihatinan guru yang terdiri daripada tiga peringkat keprihatinan iaitu peringkat diri, peringkat tugas dan peringkat kesan. Maka, berdasarkan teori keprihatinan dan amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM, pengkaji telah membina kerangka konseptual kajian seperti Rajah 1.1:



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, teori kajian dirumuskan untuk menentukan tahap keprihatinan, hubungan antara tahap keprihatinan dan mengenalpasti sumbangan faktor keprihatinan guru Prinsip Perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM serta mengembangkan pengetahuan sedia ada berkaitan teori keprihatinan. Pemboleh ubah kajian terdiri daripada pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah tahap keprihatinan guru yang terdiri daripada tiga konstruk utama iaitu keprihatinan peringkat diri, peringkat tugas dan peringkat kesan. Bagi konstruk 1, terdiri daripada keprihatinan tahap kesedaran, informasi dan personel. Konstruk 2; keprihatinan tahap pengurusan manakala konstruk 3, keprihatinan tahap konsekuen, kerjasama dan fokus semula. Pemboleh ubah bersandar pula ialah amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM.



1.9 Andaian, Limitasi dan Delimitasi Kajian

Sebuah instrumen (SocQ) untuk mengukur tahap keprihatinan guru Prinsip Perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran adalah dengan tanggapan bahawa arahan dalam talian telah dibangunkan dan telah diuji. Satu andaian kajian ini adalah instrumen dinilai berkaitan dengan tahap keprihatinan guru.

Beberapa batasan lain telah dikenal pasti seperti penggunaan teknik pensampelan bertujuan. Pemilihan teknik persampelan ini adalah disebabkan faktor kekangan masa dan tenaga kerja yang menyebabkan pemilihan sampel secara rawak daripada keseluruhan populasi adalah mustahil (Hussin, Ali, & Noor, 2014). Ia boleh menjejaskan kesahihan data kajian serta menghasilkan elemen sampel yang agak bias tetapi sampel yang baik masih dapat diambil sekiranya pengutipan data dibuat secara berhemah (Allen, 2017). Kedua, kajian ini terbatas kepada guru Prinsip Perakaunan di Selangor sahaja. Oleh itu, ia tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan tahap keprihatinan guru Prinsip Perakaunan di seluruh Malaysia.

Kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap keprihatinan guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM. Tinjauan yang dibuat terhadap guru Prinsip Perakaunan di mana responden adalah terdiri daripada mereka yang mengajar Prinsip Perakaunan dan hasil kajian dapat menilai tahap keprihatinan guru yang mengajar mata pelajaran ini sahaja.





1.10 Definisi Operasi

1.10.1 Keprihatinan

Dalam kajian ini keprihatinan diukur dengan menggunakan *Concern-Based Adoption Model* (CBAM) oleh (Fuller, 1969). Model ini menerangkan, menjelaskan dan meramalkan kelakuan yang mungkin berlaku sepanjang proses perubahan dan ini dapat membantu para pemimpin pendidikan, jurulatih, dan pemaaju staf mengenalpasti proses perubahan tersebut yang mempunyai enam tahap keprihatinan (A. A. George, Hall, & Stiegelbauer, 2006). Menurut George et al. (2006), istilah “*stages*” digunakan kerana biasanya terdapat gerakan perkembangan melaluinya iaitu, pengguna sesuatu inovasi mungkin mengalami jenis perhatian tertentu yang agak ketara, dan kemudian apabila kebimbangan itu berkurangan, satu lagi jenis kebimbangan mungkin muncul



1.10.2 Perubahan Kurikulum

Dalam kajian ini perubahan kurikulum didefinisikan sebagai pelaksanaan KSSM bagi menggantikan sukatan pelajaran terdahulu dalam KBSM yang membawa kepada pembaharuan elemen yang diterapkan di dalam kandungan kurikulum, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah pentaksiran yang diperincikan di dalam DSKP mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa dengan pengintegrasian elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (BPK, 2016a). (Mezirow, 2003) mendefinisikan pembelajaran transformatif sebagai pembelajaran yang mengubah bingkai rujukan yang bermasalah seperti andaian dan jangkaan yang merangkumi kebiasaan fikiran, maksudnya pandangan dan sikap, untuk menjadikannya lebih inklusif, cerdas, terbuka, reflektif dan emosional yang mampu berubah.



1.10.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tahap kefahaman dan pengetahuan yang membolehkan guru mengaplikasi kaedah mengajar yang sesuai dengan murid dan perlulah selaras dengan perkembangan potensi murid (BPK, 2016a). Sebanyak sembilan perincian yang digariskan dalam DSKP berkaitan amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran iaitu Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Kolaboratif, Pembelajaran Berasaskan Projek, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Masteri, Konstruktivisme, Pembelajaran Penerokaan, Pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics).

1.11 Kesimpulan

Bab 1 memberikan gambaran keseluruhan mengenai kajian yang akan dijalankan iaitu satu kajian kuantitatif yang mengenal pasti peringkat keprihatinan guru prinsip perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM. Pengkaji telah mengadaptasi peringkat keprihatinan yang terdapat di dalam CBAM yang mengandungi tujuh tahap keprihatinan. Pada masa yang sama, pengkaji telah merujuk kepada DSKP Prinsip Perakaunan untuk mengenal pasti amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan KSSM untuk dijadikan pemboleh ubah bersandar kajian. Berdasarkan Model CBAM, tujuh tahap keprihatinan meliputi keprihatinan diri, keprihatinan tugas dan juga keprihatinan kesan. Seterusnya, bab ini juga telah membincangkan latar belakang kajian yang berkisarkan perubahan kurikulum yang digunakan dalam sistem Pendidikan di Malaysia khususnya bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Di samping itu, pengkaji juga telah



mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan perubahan kurikulum dan ianya dikaitkan dengan tahap keprihatinan guru Prinsip Perakaunan terhadap amalan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan KSSM.

